

04/04/2001

Kerajaan tidak abai masa depan rakyat

RANGKA Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) bagi tempoh 2001-2010 dan Dasar Wawasan Negara (DWN) yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen semalam, dengan sendirinya membuktikan rekod cemerlang dalam pembangunan Malaysia sejak merdeka, belum tercabar. Ia adalah penerusan RRJP2 (1991-2000), Dasar Pembangunan Nasional dan pelbagai dasar lain sebelumnya, dalam menentukan pembangunan sosioekonomi rakyat berbilang kaum dalam konteks mewujudkan masyarakat yang seimbang. Setakat ini, tidak ada pihak yang dianggap layak mencabar rekod kerajaan Barisan Nasional (BN), selain cakap-cakap kosong semata-mata untuk meraih sokongan tanpa mengambil kira realiti ekonomi sebenar.

Pembentangan RRJP3 dan DWN, membuktikan kerajaan tidak pernah leka untuk menghalusi masa depan negara dan rakyat dengan mengambil kira kepentingan hari ini dan masa depan generasi akan datang dalam semua aspek kehidupan dan kesejahteraan hidup. Perancangan yang tidak pernah berhenti ini menjadikan Malaysia sentiasa bersiap sedia bagi menyahut apa juga cabaran dan suasana ekonomi semasa, sama ada yang dicipta dari luar, umpamanya kesan kemelesetan ekonomi kuasa besar atau dari dalam negara. Dengan memberi keutamaan yang seimbang bermula dari sektor pertanian, industri kecil dan sederhana hinggalah kepada industri berasaskan teknologi tinggi dan kini teknologi maklumat bersandarkan kepada Ekonomi berasaskan Pengetahuan (K-Ekonomi), Malaysia terus bertapak seiring dengan perkembangan dunia. Bagi memperkasakan ekonomi domestik, kerajaan melaksanakan pakej rangsangan fiskal dan dasar kewangan yang praktikal di samping meningkatkan pelaburan awam yang terbukti banyak memberi keselesaan kepada rakyat. Tidak syak lagi RRJP3 mampu menjadikan Malaysia sebuah negara yang berdaya tahan dan berdaya saing, iaitu teras kepada RRJP3 dan DWN. Daripada pengalaman pahit kesan keadaan ekonomi yang tidak menentu, Malaysia perlu membina satu benteng yang kukuh bagi memastikan ia kebal dalam menghadapi apa juga percaturan yang boleh melemahkan ekonomi negara. RRJP3 adalah rancangan lengkap yang turut mengambil kira pengalaman ketika negara menghadapi masalah ekonomi. Dengan asas yang kuat ditetapkan menerusi rancangan 10 tahun itu, rakyat boleh berasa lega bahawa apa juga rintangan yang akan datang, dapat diatasi menerusi mekanisme yang ditetapkan dalam rancangan itu.

Menerusi pelbagai pendekatan, dasar dan strategi yang digariskan menerusi RRJP3, diharapkan Malaysia akan dapat mengelakkan diri daripada pengaruh persekitaran ekonomi yang rencam. Ia meletakkan Malaysia pada tempat yang selesa sebagai sebuah negara perindustrian tanpa menjejaskan usaha membangunkan masyarakat, terutama untuk membasmi kemiskinan. Usaha ini tetap menjadi agenda berterusan kerajaan kerana ia adalah perjuangan bangsa yang tidak ada penghujungnya. Sekiranya pertumbuhan ekonomi negara terus pesat, tidak ada sebab matlamat itu sukar dicapai sepenuhnya dalam jangka masa yang dirancangkan. Diharapkan ketika merangka RRJP4, kemiskinan tidak lagi menjadi isu di negara ini apabila taraf hidup rakyat dapat ditingkatkan.

Setakat ini, rancangan ekonomi dan sosial masyarakat berjalan lancar walaupun pelbagai percubaan untuk menggugat kestabilan politik dilakukan golongan tertentu. Berasaskan kepada peningkatan pendapatan per kapita negara yang meningkat daripada RM6,298 pada 1990 kepada RM13,359 pada 2000, ia dengan sendirinya membuktikan cubaan pihak berkenaan untuk memburukkan keadaan ekonomi negara, ternyata gagal. Sudah tentulah, RRJP3

akan menjadi pemangkin baru kepada peningkatan pendapatan per kapita dalam tempoh 10 tahun akan datang. Kejayaan ekonomi Malaysia diperkuatkan menerusi sumbangan sektor awam dan swasta. Menerusi sokongan pelaburan asing secara langsung (FDI) yang besar dalam sektor pembuatan akan menjadi sumbangan ke arah kemakmuran Malaysia.

Kerajaan sudah pun menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan. Rakyat pula seharusnya memberi sumbangan masing-masing untuk menjayakan program yang diunjurkan. Walau selengkap mana sekali pun program dan pendekatan yang dirancang, ia tidak akan mencapai kejayaan sekiranya rakyat bersikap pasif. Rancangan yang dicipta hari ini adalah asas pembangunan masa depan. Sekiranya ia tidak dilakukan dengan teliti, Malaysia akan ketinggalan jauh. Tentunya rakyat tidak rela Malaysia terus ketinggalan dalam serba serbi. Janganlah sekadar membangkang apa juga yang dilakukan kerajaan sedangkan mereka sendiri tidak pernah memberi sumbangan mengenai cara mana mengurus ekonomi negara.

(END)